

 PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA   
JAWATANKUASA PEMILIHAN

# **RINGKASAN TAKLIMAT PEMILIHAN**



# TANGGUNGJAWAB & HAK AHLI

## FASAL 9.2.2

Memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam parti menurut peruntukan Perlembagaan ini dan peraturan-peraturan di bawahnya yang dibuat dari semasa ke semasa

# **FASAL 14 : TANGGUNGJAWAB & KUASA MAJLIS PIMPINAN TERTINGGI**

## **FASAL 14.9**

Membuat peraturan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Parti Pribumi Bersatu Malaysia serta peraturan untuk melaksanakan, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan jawatankuasa kecil yang lain

## **MATLAMAT JPP**

Memastikan proses pemilihan parti yang lancar dan teratur tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan dan Peraturan



# STRUKTUR JPP

Peringkat JPP :


1. Jawatankuasa Pemilihan Parti Pusat (JPPP)
2. Jawatankuasa Pemilihan Parti Negeri (JPPN)
3. Jawatankuasa Pemilihan Parti Bahagian (JPPB)

Keanggotaan Jawatankuasa:


1. Pengerusi
2. Setiausaha
3. Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa

# STRUKTUR JPP

## STRUKTUR JPPP/JPPN/JPPB



# PENYELARASAN OPERASI



# JADUAL PERSIDANGAN

<b>CAWANGAN</b>	<b>25 JAN 2020 – 1 MAC 2020</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>4 APRIL 2020</b>
<b>PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN</b>	<b>6 JUN 2020</b>



## HAK & KELAYAKAN AHLI MENGHADIRI PERSIDANGAN

- Hanya ahli yang membayar yuran tahunan sebelum 31 Disember 2019 yang layak menghadiri & mengambil bahagian di dalam Persidangan Cawangan
- Ahli yang diisytiharkan muflis oleh Mahkamah atau ahli yang disabitkan kesalahan dibawah Akta Pertubuhan 1966 boleh menghadiri Persidangan dan mengundi tetapi tidak boleh dicalonkan, dipilih atau dilantik memegang jawatan.
- Ahli yang disabitkan kesalahan di bawah undang-undang lain dan dihukum denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia dua ribu (RM2,000.00) atau pemenjaraan selama satu tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun hilang hak menghadiri dan mengambil bahagian di dalam persidangan atau dilantik untuk menjawat sebarang jawatan sebelum cukup lima (5) tahun ia keluar dari penjara atau tarikh ia dikenakan denda.
- JPP hanya mengiktiraf senarai ahli yang layak hadir ke Persidangan Cawangan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Parti

# PEMILIHAN

## **PERSIDANGAN CAWANGAN**

Persidangan Cawangan akan memilih AJK Cawangan, Perwakilan Cawangan serta AJK Bahagian

## **PERSIDANGAN BAHAGIAN**

Hari Persidangan Bahagian akan memilih MPT serta Perwakilan Bahagian ke PAT

## **PERSIDANGAN SRIKANDI CAWANGAN HENDAKLAH MEMILIH**

- Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua Srikandi Cawangan, Naib Ketua Srikandi Cawangan dan **6** Ahli-ahli Jawatankuasa Srikandi Cawangan.
- 3 Wakil ke Persidangan Srikandi Bahagian
- Pengerusi Tetap Srikandi Bahagian, Timbalan Pengerusi Tetap Srikandi Bahagian, Ketua Srikandi Bahagian, Naib Ketua Srikandi Bahagian & **8** Ahli Jawatankuasa Srikandi Bahagian

## **PERSIDANGAN ARMADA CAWANGAN HENDAKLAH MEMILIH**

- Ketua Armada Cawangan, Naib Ketua Armada Cawangan dan **6** Ahli-ahli Jawatankuasa Armada Cawangan.
- 3 Wakil ke Persidangan Armada Bahagian
- Pengerusi Tetap Armada Bahagian, Timbalan Pengerusi Tetap Armada Bahagian, Ketua Armada Bahagian, Naib Ketua Armada Bahagian & **8** Ahli Jawatankuasa Armada Bahagian

# PERSIDANGAN CAWANGAN HENDAKLAH MEMILIH

- Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua Cawangan, Timbalan Ketua Cawangan dan **8** Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan.
- Wakil-wakil ke Persidangan Bahagian
- 2 orang Pemeriksa Kira-kira Cawangan
- Pengerusi Tetap Bahagian, Timbalan Pengerusi Tetap Bahagian, Ketua Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian, Naib Ketua Bahagian & **10** Ahli Jawatankuasa Bahagian



## **PERSIDANGAN SRIKANDI BAHAGIAN HENDAKLAH MEMILIH**

- Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua Srikandi Malaysia, Naib Ketua Srikandi Malaysia & **15** Ahli Jawatankuasa Srikandi Malaysia.
- 2 Wakil Srikandi Bahagian ke Perhimpunan Agung Srikandi Malaysia.
- 10 Orang wakil ke Persidangan Bahagian.

# PERSIDANGAN ARMADA BAHAGIAN HENDAKLAH MEMILIH

- Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua Armada Malaysia, Naib Ketua Armada Malaysia & **15** Ahli Jawatankuasa Armada Malaysia.
- 2 Wakil Armada Bahagian ke Perhimpunan Agung Armada Malaysia.
- 10 Orang wakil ke Persidangan Bahagian.

## PERSIDANGAN BAHAGIAN HENDAKLAH MEMILIH

- Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Pengerusi, Presiden, Timbalan Presiden, 3 Naib Presiden & **20** Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi.
- 7 Wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung
- 2 orang Pemeriksa Kira-kira

# KAEDAH PEMILIHAN

## PERSIDANGAN CAWANGAN

- Undi terbuka secara angkat tangan untuk pemilihan Jawatankuasa Cawangan
- Undi sulit melalui kertas undi yang disediakan oleh JPP untuk pemilihan Jawatankuasa Bahagian

## PERSIDANGAN BAHAGIAN

- Undi sulit melalui kertas undi yang disediakan oleh JPP untuk pemilihan Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT)

## PRINSIP PEMILIHAN

- Demokratik dan inklusif berdasarkan konsep undi terbanyak (popular vote)
- Kaedah satu ahli satu undi (SASU) untuk pemilihan Jawatankuasa Cawangan dan Jawatankuasa Bahagian manakala sistem perwakilan bagi pemilihan Majlis Pimpinan Tertinggi



# PENDAFTARAN & KELAYAKAN CALON

- **Peringkat CAWANGAN**
  - **Tidak perlu pendaftaran**
  - **Menjadi ahli parti dan telah membayar yuran tahunan sebelum 31 Disember 2019**

## PENDAFTARAN & KELAYAKAN CALON

- **Peringkat BAHAGIAN**
  - **Perlu Mendaftarkan diri ke Petugas JPP di Pejabat Bahagian**
  - **Calon mestilah telah menjadi ahli tidak kurang daripada dua belas (12) bulan sebelum 25 Januari 2020 iaitu tarikh Persidangan Cawangan;**
  - **atau pernah memegang jawatan di peringkat Jawatankuasa Bahagian atau Ahli Jawatankuasa Sayap-sayap Bahagian**
  - **dan telah menjelaskan Yuran Tahunan sebelum 31 Disember 2019**

## PENDAFTARAN & KELAYAKAN CALON

### ■ Peringkat MAJLIS PIMPINAN TERTINGGI

- Perlu mendaftarkan diri kepada Petugas JPP di Ibu Pejabat Parti
- Calon bagi jawatan Pengerusi , Presiden dan Timbalan Presiden; mestilah menjadi ahli tidak kurang daripada tiga (3) tahun dan memegang mana-mana jawatan sebagai Ahli Pimpinan Tertinggi atau sebagai Ketua Bahagian selama satu (1) penggal dan telah menjelaskan yuran keahliannya.
- Calon bagi jawatan selain Pengerusi, Presiden & Timbalan Presiden, mestilah telah menjadi ahli tidak kurang daripada dua belas (12) bulan sebelum tarikh persidangan Cawangan atau pernah memegang jawatan di peringkat Majlis Pimpinan Tertinggi, Badan Pimpinan Negeri atau Ahli Jawatankuasa Bahagian atau Ahli Jawatankuasa Sayap-sayap di peringkat yang sama dan telah menjelaskan Yuran Tahunan.

# PENGURUSAN PEMILIHAN

- Pemilihan jawatan-jawatan parti di semua peringkat akan dilaksanakan, dikawal & diselia oleh Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) yang telah ditubuhkan di bawah kuasa Majlis Pimpinan Tertinggi
- JPP akan merangka Peraturan-peraturan Pemilihan tertakluk kepada Perlembagaan Parti & Peraturan Persidangan
- Sebarang keputusan JPP ini adalah MUKTAMAD

**TERIMA KASIH**

